

**MANUAL PROSEDUR KERJA (SOP)
HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI)
(PERSPEKTIF ISLAM)
HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH, TEMERLOH PAHANG**



Versi 1 : Oktober 2022
Revised : Januari 2024

DISEDIAKAN OLEH:

DR MOHD SHAHRIN BIN AHMAD FUAT
PENGERUSI,
JAWATANKUASA HOSPITAL MESRA IBADAH
HOSHAS, TEMERLOH PAHANG
23/1/2024

DILULUSKAN OLEH:

DR HJH. NOR AZLINA BT. ABDUL AZIZ,
S.A.P
PENGARAH,
HOSHAS, TEMERLOH PAHANG
26/1/2024

KANDUNGAN

PANDUAN 1: PENGENALAN UMUM KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH.....	2
PANDUAN 2: KOD DAN ETIKA PERUBATAN DALAM ISLAM	5
PANDUAN 3 : AMALAN DOA HARIAN PERAWAT DAN PESAKIT	11
PANDUAN 4 : ORIENTASI HOSPITAL MESRA IBADAH KEPADA PESAKIT MUSLIM.....	17
PANDUAN 5 : PANDUAN PENGURUSAN IBADAH PESAKIT.....	20
PANDUAN 6 :PENYEDIAAN PRASARANA DAN KELENGKAPAN HOSPITAL MESRA IBADAH... 	22
PANDUAN 7 : TATACARA AKTIVITI ZIARAH IBADAH PESAKIT	26
PANDUAN 8 :GARIS PANDUAN RUJUKAN PERKHIDMATAN UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI) 	30
PANDUAN 9 : PENGUMUMAN WAKTU SOLAT FARDHU DAN BERBUKA PUASA	34
PANDUAN 10 : PANDUAN AZAN,IQOMAH DAN TAHNIK SELEPAS KELAHIRAN, PANDUAN PENGURUSAN URI	35
PANDUAN 11: TATACARA PENGURUSAN JENAZAH MUSLIM	42
PANDUAN 12: PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH PENYAKIT BERJANGKIT/ COVID 19	47
PANDUAN 13 : GARIS PANDUAN BEDAH SIASAT MAYAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	50

PANDUAN 1: PENGENALAN UMUM KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH

Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan hasrat YBhg. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Ia telah bermula dengan pelancaran Bahan Pendidikan Ibadah Pesakit pada 25 Februari 2014. Program HMI merupakan satu program penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam di hospital merangkumi pengurusan ibadah pesakit, penghayatan nilai-nilai Islam dalam melaksanakan tugas harian dan khidmat nasihat kerohanian. Program ini dikhususkan kepada kakitangan hospital, keluarga kakitangan, pesakit dan waris yang beragama Islam.

Program HMI adalah satu platform kerjasama strategik antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri ke arah mencapai piawaian indeks syariah dalam bidang kesihatan selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri melalui pelancaran indeks syariah Malaysia.

Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri telah mula menempatkan pegawai agama (bukan pegawai kader) di beberapa hospital KKM bermula pada tahun 2000. Manakala JAKIM telah menempatkan pegawai agama kader di hospital-hospital KKM bermula tahun 2006. Pada masa ini terdapat lebih 60 orang pegawai agama di sekurang-kurangnya 55 buah hospital KKM.

OBJEKTIF

- Memastikan pesakit muslim dan waris menerima bimbingan yang betul dalam melaksanakan ibadah serta amalan keagamaan; dan
- Memastikan kakitangan hospital mendapat latihan dan pendedahan asas mengenai fiqh ibadah serta nilai-nilai Islam dalam menjalankan tugas.

Objektif ini adalah selaras dengan:

Visi Program: Menjadikan esok lebih baik dari hari ini.

Misi Program: Berusaha mengintegrasikan rawatan fizikal, psikososial, mental dan rohani.

KOMPONEN-KOMPONEN HMI

1. Pegawai Agama & Kakitangan Kesihatan

Pegawai agama adalah seseorang yang ahli di dalam bidangnya yang memahami keperluan kerohanian kakitangan kesihatan dalam melaksanakan tugas harian di hospital dan pesakit serta waris sewaktu menjalani rawatan di hospital.

Kakitangan kesihatan membantu pesakit melaksanakan ibadah di samping menyampaikan tugas merawat dan memantau keadaan klinikal pesakit.

2. Latihan

Latihan berkaitan HMI dan orientasi hospital hendaklah diberi kepada semua pegawai agama dan kakitangan hospital mengikut keperluan bidang tugas masing-masing. Satu modul latihan yang khusus hendaklah dibangunkan bagi setiap kategori.

Buku log latihan yang standard hendaklah digunakan. KKM sentiasa menggalakkan perkembangan kerjaya di kalangan anggota pelaksana HMI melalui pengajian berstruktur di universiti-universiti.

3. Persekitaran Mesra Ibadah

Persekitaran mesra ibadah meliputi kakitangan kesihatan, pesakit dan waris serta suasana kerja di hospital.

Amalan mesra ibadah bukan sahaja perlu diterapkan dalam tugas harian kakitangan tetapi ia meliputi keperluan kerohanian kakitangan kesihatan itu

sendiri. Untuk tujuan ini, pengisian kerohanian seperti ceramah dan tazkirah, khidmat nasihat agama serta latihan berkenaan aktiviti-aktiviti HMI bagi kakitangan kesihatan akan sentiasa dianjurkan di peringkat hospital.

Pelaksanaan amalan mesra ibadah kepada pesakit ini dilaksanakan melalui 4 pendekatan iaitu:

1. lawatan oleh pegawai agama hospital
2. bimbingan oleh kakitangan hospital yang terlatih dan kompeten kepada pesakit
3. edaran poster dan risalah / bacaan
4. peralatan audio visual

Penerapan amalan-amalan mesra ibadah kepada pesakit dan waris adalah seperti:

- ◆ pengisian kerohanian melalui ziarah 'mahabbah',
- ◆ pengurusan ibadah sewaktu sakit,
- ◆ pengumuman waktu solat,
- ◆ pengurusan ketika hamil dan kelahiran,
- ◆ pengurusan pesakit nazak dan kematian.

Penerapan persekitaran dan suasana mesra ibadah di hospital perlu dihayati oleh semua kakitangan hospital bagi memudahkan mereka memberi bimbingan kepada pesakit. Oleh yang demikian, suasana di hospital perlu kondusif dan menyokong pelaksanaan program ini. Sebagai contoh, waktu pesakit menerima rawatan atau menjalani sesuatu prosedur perubatan sewajarnya disesuaikan supaya pesakit boleh melakukan ibadah seperti solat dalam waktunya. Selain daripada itu, digalakkan solat fardhu dilakukan secara berjemaah bersama-sama dengan pesakit.

4. Peralatan dan Kemudahan Untuk Ibadah

Peralatan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan seperti ruang solat, sejadah, botol semburan wudhuk, debu tayammum, kain pelikat, kopiah dan telekung serta peralatan lain yang bersesuaian.

Selain itu, setiap wad digalakkan untuk menyediakan penanda arah ke bilik /ruang solat, arah kiblat dan bahan bacaan seperti al-Quran, surah Yasin, Buku Panduan Solat, Buku Doa Harian dan Pamphlet.

Khidmat peringatan solat atau *solat reminder* bagi pesakit yang ingin dimaklumkan jika tiba waktu solat di wad selain pengumuman waktu solat melalui pembesar suara hospital.

5. Hak Pesakit dan Persendirian (Sulit) / Keperluan Yang Istimewa

Kerahsiaan dan hak pesakit sentiasa dijaga dan dihormati termasuk aurat pesakit, menyediakan pengiring (*chaperon*) dan layanan berhemah oleh kakitangan hospital termasuk menjaga tutur kata dan menggunakan bahasa yang sopan.

Pesakit diberikan hak untuk mendapatkan perkhidmatan berkaitan hal ehwal agama:

- ◆ rujukan hukum dan fatwa,
- ◆ khidmat nasihat agama,
- ◆ kemudahan pengurusan jenazah,
- ◆ perkhidmatan rundingcara patuh syariah.

Di HoSHAS kesemua konsep HMI ini diterapkan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan, Unit Hal Ehwal Islam, Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah dan AJK Pusat Islam HoSHAS.

PANDUAN 2: KOD DAN ETIKA PERUBATAN DALAM ISLAM

1. PENGENALAN

Perkembangan bidang perubatan dan sains pada masa ini telah melalui proses revolusi dan mencapai kemajuan di dalam teknologi perubatan. Kemajuan ini perlu dimanfaatkan untuk kebajikan manusia dan perlu dibimbing agar tidak disalah guna pada masa akan datang di samping memastikan ilmu ini mengikut acuan yang ditetapkan oleh syarak.

2. PROFESION PERUBATAN DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

- 2.1 Profesion perubatan adalah satu keperluan dalam masyarakat
- 2.2 Menyediakan perkhidmatan perubatan merupakan satu fardhu kifayah ke atas masyarakat yang boleh di sempurnakan oleh individu atau masyarakat yang mempelajari ilmu perubatan
- 2.3 Amalan Perubatan adalah satu ibadah dan kebajikan selain daripada salah satu kerjaya dalam mencari rezeki.
- 2.4 Menjaga nyawa, akal dan keturunan adalah prinsip Maqasid Syariah yang boleh dicapai melalui penjagaan kesihatan yang teratur.

3. CIRI CIRI PENGAMAL PERUBATAN MUSLIM

- 3.1 Mempunyai ilmu perubatan dan diiktiraf untuk mengamal
- 3.2 Percaya kepada Allah, Tuhan sekalian alam
- 3.3 Menunaikan hak hak Allah
- 3.4 Memahami keagungan Allah
- 3.5 Mentaati perintah Allah
- 3.6 Menjauhi larangan Allah dan mematuhi perintahnya ketika bersendirian atau dikhalayak ramai
- 3.7 Memahami bahawa nyawa adalah milik Allah
- 3.8 Akur kepada perintah Allah supaya memelihara nyawa dan kesihatan
- 3.9 Sentiasa berkeadaan tenang dan tidak gopoh
- 3.10 Mempunyai sikap bijaksana dan boleh memberi nasihat
- 3.11 Mempamerkan teladan yang baik

- 3.12 Jujur dalam apa jua keadaan dan situasi
- 3.13 Mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan hukum, ibadah dan asas ilmu fiqh
- 3.14 Mengelak daripada menggunakan ubatan atau kaedah terapi yang diharamkan oleh Islam
- 3.15 Sentiasa peka dan mengikuti perkembangan semasa kemajuan sains, pembaharuan dan teknologi perubatan
- 3.16 Menjaga kerahsiaan pesakit sepanjang masa
- 3.17 Mengetahui dalam mendalami ilmu dalam islam ada dua tujuan utama:

- ◆ Hubungan sesama pengamal perubatan
- ◆ Hubungan pengamal perubatan dengan pesakit

Hubungan sesama pengamal perubatan :

- Pengamal perubatan adalah saudara kepada setiap pengamal perubatan yang lain dan rakan sejawat di dalam satu misi yang mulia sebagai menyahut seruan Allah.
- Pengamal perubatan bertanggungjawab ke atas penjagaan kesihatan sesebuah negara.
- Pengamal perubatan bertanggungjawab merangka, merancang dan mengambil langkah serta mewujudkan budaya kerja yang berintegriti.
- Pengamal perubatan mesti menghormati rakan sejawatnya.
- Pengamal perubatan perlu berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dengan pengamal perubatan yang lebih muda.
- Pengamal perubatan hendaklah sentiasa bekerjasama dan bersedia membantu antara satu sama lain.
- Pengamal perubatan bertanggungjawab untuk mengadakan rundingan kepada mereka yang lebih pakar jika sesuatu kes perlu dirujuk bagi rawatan lanjut.
- Pengamal perubatan perlu bekerja di dalam satu pasukan.
- Kod etika ini meliputi kesemua peringkat di dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Hubungan Pengamal Perubatan dengan Pesakit :

- Segala tindakan yang diambil oleh pengamal perubatan adalah demi kepentingan pesakit.
- Jadual perkhidmatan hendaklah disusun dan disesuaikan dengan pesakit bagi menjaga kebajikan dan keselesaan pesakit.
- Memberi perkhidmatan tanpa mengira latar belakang pesakit
- Memberi perkhidmatan dengan penuh kesabaran, toleransi dan sikap bertimbang rasa.
- Sentiasa mematuhi piawaian profesion sebagai seorang pengamal perubatan.

4. TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI

- 4.1 Pengamal perubatan muslim telah dididik, lulus dan memenuhi peraturan- peraturan dan undang-undang berkaitan perkhidmatan perubatan dan kesihatan sesuatu negara.
- 4.2 Kes yang rumit dan bermasalah hendaklah dirujuk kepada pakar yang berkaitan
- 4.3 Seorang pengamal perubatan hendaklah bertindak sebaik mungkin, tanpa melakukan kecuaiian dalam mengurus kes
- 4.4 Pengamal perubatan bertanggungjawab langsung ke atas pesakitnya. Segala persetujuan atau penolakan pesakit ke atas cadangan rawatan yang disyorkan hendaklah dibuat secara bertulis.

5. PENJAGAAN NYAWA MANUSIA

- 5.1 Nyawa manusia wajib dipelihara meliputi kesemua peringkat kehidupan termasuklah janin di dalam rahim. Pengguguran janin dibenarkan dalam keadaan yang mengancam nyawa (alasan perubatan) dan dibenarkan oleh syarak.
- 5.2 Seseorang pengamal perubatan tidak berhak mengambil nyawa pesakit dalam keadaan sekali apa pun walaupun wujudnya permintaan pesakit.
- 5.3 Pengamal perubatan bertanggungjawab memaklumkan kematian pesakit kepada warisnya.
- 5.4 Pengamal perubatan perlu sentiasa positif dan memotivasikan pesakit walaupun pesakit tiada harapan sembuh.
- 5.5 Pengamal perubatan perlu jujur di dalam merawat pesakit dengan kaedah atau pun pendekatan yang sesuai.

6. PENGAMAL PERUBATAN DAN MASYARAKAT

- 6.1 Pengamal perubatan adalah sebahagian daripada ahli masyarakat yang berperanan menjaga dan memelihara taraf kesihatan masyarakat.
- 6.2 Pengamal perubatan berperanan penting dalam mengambil langkah - langkah bagi mencegah sesuatu penyakit dan memamerangi tabiat manusia yang memudaratkan kesihatan
- 6.3 Pencegahan penyakit juga dapat diatasi melalui pendekatan agama seperti pembersihan hati, mengawal dan menjauhkan diri daripada merosakkan diri sendiri dan orang lain serta amalan gaya hidup sihat
- 6.4 Pengamal perubatan perlu membuktikan kepercayaan masyarakat yang telah diberikan kepada mereka. Pengamal perubatan wajar diambil tindakan sekiranya mereka melanggar undang-undang dalam bidang profesionnya demi menjaga nama baik dalam amalan perubatan.

7. PENGAMAL PERUBATAN DAN KEMAJUAN BIOMEDIKAL MODEN

- 7.1 Islam tidak menghalang melakukan penyelidikan sama ada kajian akademik atau kajian gunaan yang bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- 7.2 Kebebasan penyelidikan sains diharuskan selagi mana ia tidak merosakkan dan membawa kemudatan kepada manusia serta penganiayaan atau penyeksaan ke atas haiwan.
- 7.3 Profesion perubatan perlu dilibatkan bersama dalam rumusan dan pengeluaran fatwa untuk memastikan kesahihan hasil kajian.
- 7.4 Garis panduan mengenai perkara baru yang tidak disebut di dalam hukum atau mana-mana rujukan boleh dihasilkan selagi mana ia tidak bertentangan Al Quran dan As Sunnah
- 7.5 Pengamal perubatan bertanggungjawab mendidik masyarakat, termasuk menggariskan peraturan mengenai prosedur, kaedah, pengurusan rawatan serta menentukan polisi keutamaan peraturan tersebut seperti dalam pendermaan darah dan pendermaan organ.

8. PENDIDIKAN PERUBATAN

- 8.1 Pendidikan perubatan adalah satu bidang ilmu bagi melatih dan menghasilkan pengamal perubatan yang boleh menyumbang kepada agama, bangsa dan negara semata mata untuk mendapatkan keredhaan Allah.
- 8.2 Pendidik ilmu perubatan hendaklah menunjukkan teladan yang baik, memberi pengajaran dan bimbingan yang berterusan kepada pelajarannya.

8.3 Kod etika perubatan Islam wajar dimasukkan dalam sukatan kurikulum perubatan. Kurikulum perubatan juga perlu memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- ◆ Menekankan bahawa amalan perubatan adalah satu ibadah.
- ◆ Menjelaskan hukum hakam dan ibadah yang berkaitan dengan pelbagai masalah kesihatan.
- ◆ Memberi kefahaman berkaitan warisan perubatan dan sains tamadun Islam bagi mengembalikan zaman kegemilangannya.
- ◆ Memberi penekanan bahawa keikhlasan merupakan elemen utama di dalam memberikan kesembuhan, pengubatan, menghilangkan tekanan dan sebagai pemangkin ke arah pemulihan kesihatan.

9. PERATURAN MENDAPATKAN LAPORAN PERUBATAN PESAKIT

9.1 Permohonan untuk mendapatkan laporan perubatan pesakit boleh dibuat kepada pengamal perubatan yang berkaitan, oleh pihak-pihak berikut:

- Pesakit
- Seorang yang telah diberi kebenaran bertulis untuk memohon bagi pihak pesakit, lazimnya waris pesakit
- Jika pesakit adalah seorang kanak-kanak, seseorang yang mempunyai hak penjagaan ke atas pesakit tersebut
- Bagi pesakit yang tidak berupaya menguruskan perihal dirinya, sesiapa sahaja yang telah dilantik oleh pihak mahkamah bagi menguruskan perihal diri pesakit.
- Bagi pesakit yang telah meninggal dunia, saudara mara, waris atau wakil peribadi pesakit.

9.2 Pesakit atau pemohon tiada akses kepada rekod perubatan kecuali maklumat dalam rekod perubatan boleh diperolehi melalui permohonan laporan perubatan. Laporan perubatan disediakan dalam tempoh 2 hingga 4 minggu bergantung kepada jenis hospital setelah suatu permohonan lengkap diterima, bagi hospital dan institusi khas perubatan KKM. Bayaran bagi penyediaan laporan perubatan perlu ditanggung oleh pemohon.

9.3 Jika terdapat maklumat dalam laporan perubatan yang ditulis dalam terma-terma yang tidak difahami oleh pesakit atau pemohon, suatu penjelasan hendaklah disediakan setelah pemohon membuat permohonan laporan penjelasan bagi laporan perubatan yang telah diterima.

- 9.4 Sekiranya permohonan laporan perubatan dibuat oleh pesakit yang merupakan seorang kanak-kanak, akses tidak boleh diberikan melainkan permohonan melalui ibu bapa, penjaga atau waris dengan pembuktian pertalian ahli keluarga. Sekiranya permohonan dibuat oleh seseorang yang bukan pesakit, pengamal perubatan mesitlah memastikan sama ada:
- Pesakit telah membenarkan permohonan tersebut dibuat atau
 - Sekiranya pesakit tidak berupaya untuk memberi kebenaran permohonan dibuat, akses tersebut merupakan usaha ke arah kebaikan pesakit.

- 9.5 Sekiranya seseorang berpendapat bahawa maklumat yang terkandung dalam laporan perubatan yang diberikan adalah tidak tepat, maka permohonan boleh dibuat kepada pengamal perubatan untuk melakukan pembedahan atau laporan penjelasan dimana perlu.

Bagi permohonan seperti diatas, pengamal perubatan perlu:

- 9.5.1 Melakukan pembedahan di mana perlu sekiranya pengamal perubatan berpuas hati bahawa maklumat yang ada adalah tidak tepat.
- 9.5.2 Membuat catatan dalam bahagian rekod yang mengandungi maklumat dimana maklumat tersebut dianggap tidak tepat, sekiranya pengamal perubatan tidak berpuas hati, dan
- 9.5.3 Dalam kedua-dua kes, memberikan satu Salinan laporan penjelasan kepada pemohon tanpa sebarang bayaran.

10. TUGAS PENGAMAL PERUBATAN SEMASA PEPERANGAN

- 10.1 Seorang pengamal perubatan muslim hendaklah menjaga dan mengubati orang yang sakit walau apa keadaan sekalipun.
- 10.2 Pengamal perubatan muslim tidak boleh mengkhianati atau mencederakan pesakit tanpa mengira latar belakang pesakit
- 10.3 Penyampaian perkhidmatan rawatan dan pengubatan mencakupi kawan atau musuh memilih kasih.

PANDUAN 3 : AMALAN DOA HARIAN PERAWAT DAN PESAKIT

PENGENALAN

SOP ini telah disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah (HMI) sebagai panduan pelaksanaan dan penyelarasan mengikut standard pensijilan Program HMI. Ia digunakan dalam program atau aktiviti rasmi dan menjadi rujukan warga kerja hospital, pesakit dan waris di semua hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia

PERLAKSANAAN

Pelaksanaan SOP ini adalah seperti berikut :

1. Sebagai panduan bagi pembaca doa yang dilantik untuk semua majlis rasmi anjuran hospital;
2. Teks doa ini hendaklah diletakkan dan dipamerkan di ruang yang mudah untuk dilihat dan diakses bagi tujuan kegunaan bersama; dan
3. Ia juga sebagai panduan kepada pesakit dan waris

TANGGUNGJAWAB

Semua Ketua Jabatan / Ketua Unit / Ketua Penyelia Jururawat / Ketua Penyelia Hospital hendaklah memastikan agar SOP ini dapat dilaksanakan di fasiliti masing-masing mengikut kesesuaian dan diamalkan secara berterusan.

PENUTUP

SOP ini dijadikan sebagai sumber rujukan yang standard dalam panduan bacaan doa dan pelaksanaannya

Berikut adalah panduan doa – doa yang boleh diamalkan khususnya buat semua staff dan petugas di hospital ini supaya segala pekerjaan, amalan harian kita mendapat keberkatan dan di kira sebagai ibadah.

Bacaan doa ini boleh dilakukan secara individu tau beramai ramai mengikut kesesuaian petugas.

1. DOA MEMULAKAN TUGAS HARIAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Ya Allah, aku memohon pada Mu kebaikan pekerjaan ini dan segala kebaikan yang ada di dalamnya, dan aku berlindung pada Mu daripada keburukan pekerjaan ini dan segala keburukan yang ada didalamnya. Sesungguhnya di atas segala sesuatu itu, Engkaulah Yang maha Berkuasa menentukannya.

Amin...

2. DOA KETIKA AKHIR KERJA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Ya Allah, aku serahkan pada Mu pekerjaan ku dan jiwa raga ku, dan aku bertawakal kepada Engkau Ya Allah.

Amin...

3. DOA TUKAR SYIF

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Segala puji bagi Allah, Pentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas semulia-mulia Nabi dan Rasul, junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta sahabat-sahabat baginda sekalian.

YA ALLAH YA RAHMAN!

Engkau mulakan hari dan tugas kami dengan penuh keberkatan, di pertengahannya dengan kebaikan dan di penghujungnya dengan kejayaan. Ya Allah, Engkau kurniakanlah kesungguhan, kesabaran dan ketabahan di dalam hati-hati kami, untuk mengurus dan merawat para pesakit kami, dengan penuh kesabaran dan keikhlasan. Engkau permudahkanlah segala urusan kerja kami, serta jauhkanlah kami dari melakukan sebarang kesilapan ke atas para pesakit kami. Ya Allah, Engkau tunjukkanlah jalan penyelesaian, bagi setiap kebuntuan yang kami hadapi.

YA ALLAH YA RAHIM!

Engkau berilah kekuatan dan keselamatan sepanjang kami menjalankan tugas-tugas kami. Engkau berkatilah segala kerja serta amalan kami, dan jadikanlah kerja kami sebagai satu ibadah yang diRedhai oleh-Mu Ya Allah. Peliharalah segala amalan dan usaha yang kami laksanakan ini, dari segala kelemahan dan keburukan, serta terpelihara dari segala amalan yang boleh merosakkan amal kebajikan, yang telah kami laksanakan.

YA ALLAH YA 'AZIZ!

Engkau berikanlah taufiq dan hidayah-Mu yang berterusan ke atas kami, agar segala urusan kerja kami dapat berjalan dengan lancar dan menepati masa. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }
{ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

4. DOA SEBELUM MEMULAKAN PEMBEDAHAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ
الْحَمْدُ كَمَا يَتَّبِعِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنْجِينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالْآفَاتِ
وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ
وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْعَالَمَاتِ مِنْ
جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ.

YA ALLAH YA RAHMAN!

Kami mulakan dan bertawakal kehadiran-Mu, kami berpegang teguh kepada-Mu dan kami berserah segala urusan pembedahan penyakit saudara/saudari kami kepada-Mu. Engkaulah yang Maha Berkuasa dan sebaik-baik yang memberi pertolongan, tiada daya usaha kami dan tiada kekuatan melainkan Engkau yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

YA ALLAH YA RAHIM!

Ya Allah, Engkau berikanlah kerahmatan, keselamatan dan kejayaan ke atas pembedahan ini dari awal hingga akhirnya. Sembuhkanlah penyakitnya agar dengannya dapat meneruskan amal bakti kepada-Mu. Kurniakanlah kepada kami Taufiq, Hidayah serta kesungguhan, supaya kami dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, dengan penuh kesabaran dan keikhlasan. Engkau berilah kekuatan dan keselamatan sepanjang kami menjalankan tugas-tugas kami.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }
{ رَبَّنَا ءَاتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

5. DOA PERHIMPUNAN PAGI JABATAN

Mukaddimah Bahasa Arab

Kami menadah tangan merafa'kan kesyukuran kepada-Mu diatas segala limpahan nikmat dan rahmat serta diberikan keizinan dihari yang berbahagia ini dapatlah kami menghadirkan diri bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan (.....) pada kali ini.

Allahuma Ya Allah..

Kami memohon kepada-Mu Ya Allah, jadikanlah lafaz ikrar yang akan kami lafazkan nanti, akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kami sebagai warga kerja _____ yang berintegriti, cekap, berdedikasi dan berwibawa serta berwawasan tinggi dalam menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh kejujuran, keikhlasan, ketelusan dan kebijaksanaan bagi mendaulatkan kesucian agama, memelihara maruah bangsa dan Negara seterusnya membawa kemajuan dan kejayaan kepada jabatan _____ yang kami kasihi ini.

Allahuma Ya Allah..

Ya Allah, hiasilah sanubari kami dengan sifat-sifat mahmudah yang mulia lagi terpuji, jauhilah kami dari sifat-sifat mazmumah yang hina lagi dikeji, tanamkanlah ke dalam diri kami sifat rajin bekerja dalam suasana semangat bekerjasama dan persaudaraan yang sejati, ke arah mencapai kecemerlangan dan keredhaanmu Ya Ilahi. Terimalah segala hasil usaha dan khidmat bakti kami ini sebagai satu ibadah seperti mana yang engkau kehendaki.

Allahumma Ya Rahman..Ya Rahim..Ya Zaljala liwal ikram..
Ya Allah, kami juga memohon jadikanlah diri, keluarga, dan negara kami ini sentiasa di dalam keadaan aman dan damai, makmur dan bahagia, sentiasa

dianugerahi kebaikan dan kebajikan, pemeliharaan dan penjagaan, perlindungan dan pengawasan, doa yang dimakbulkan dan dosa yang diampunkan serta dijauhkan daripada segala kekacauan dan huru hara, musibah dan penyakit. Semoga kami dapat hidup tenteram dan bahagia di dunia dan akhirat..

Ya Allah, Engkau jadikanlah pertemuan ini pertemuan yang dirahmati, dan perpisahan kami selepas ini, perpisahan yang diberkati dan dilindungi.

Penutup Doa Bahasa Arab

6. DOA DIBERI KESEMBUHAN PENYAKIT

Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Aisyah RA menyatakan Rasulullah sering membaca doa ini kepada sahabatnya yang sedang sakit :

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَاسَ أَشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

Maksud : Tuhanku, Tuhan manusia, hilangkanlah penyakit. Berikanlah kesembuhan kerana Kau adalah penyembuh. Tiada yang dapat menyembuhkan penyakit kecuali Kau dengan kesembuhan yang tidak meninggalkan rasa sakit.

7. DOA DIHINDARI DARI WABAK ATAU PENYAKIT BERJANGKIT

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dengan nama Allah yang tidak memberi mudharat akan sesuatu yang di bumi dan yang dilangit (selagi) bersama dengan Nama-Nya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Hadith Riwayat Abu Daud, Tirmidzi)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَائِرِ الْأَسْقَامِ

“Ya Allah aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain.”

PANDUAN 4 : ORIENTASI HOSPITAL MESRA IBADAH KEPADA PESAKIT MUSLIM

OBJEKTIF

1. Memaklumkan pesakit tentang hospital mengamalkan Program Hospital Mesra Ibadah di mana kemudahan surau, bilik solat ataupun ruang solat dan kit solat ada disediakan. Sekiranya pesakit memerlukan bantuan untuk beribadah, pesakit dimohon mendapatkan bantuan dari kakitangan wad.
2. Memaklumkan mengenai masuknya waktu solat, *solat reminder*, berbuka puasa, menyiarkan azan melalui alat siaraya dan lain-lain lagi, dengan syarat mendapat persetujuan pesakit. tanpa prasangka dan bersifat *without offensive to anybody or doing any harm*.

TATACARA

Berikut adalah tatacara Orientasi Berkaitan HMI semasa kemasukan pesakit ke wad:

1. Semua pesakit muslim yang masuk ke wad perlu diberikan orientasi pesakit berkaitan konsep HMI terutamanya dari aspek fasiliti dan kemudahan untuk menunaikan ibadah semasa berada di wad atau hospital ini.
2. Jururawat adalah orang yang dipertanggungjawabkan menjalankan orientasi ini dan merekodkan ke dalam census harian kemasukan pesakit
3. Census ini perlu dihantar secara bulanan kepada Unit Hal Ehwal Islam selewat lewatnya sebelum 5hb bulan berikutnya. Ini adalah bagi tujuan pemantauan
4. Garis panduan orientasi ini telah disediakan oleh pihak Jawatankuasa HMI dan Unit Hal Ehwal Islam bagi memudahkan staff untuk mewartarkan kepada pesakit dan waris berkaitan kemudahan beribadah yang disediakan.

GARIS PANDUAN ORIENTASI PESAKIT MUSLIM

Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh Pahang merupakan salah sebuah hospital yang menerapkan Konsep Hospital Mesra Ibadah dalam memberikan perkhidmatan secara menyeluruh kepada pesakit termasuk dari aspek rohani dan juga psikologikal. Kami menyediakan kemudahan dari aspek fasiliti, kemudahan, bahan rujukan, bimbingan dan juga kaunseling bagi pesakit yang memerlukan. Antara kemudahan yang kami sediakan adalah seperti berikut.

1. KEMUDAHAN/FASILITI SOLAT

1.1 Pusat Islam

-Untuk kemudahan ibadah staff, waris dan pelawat di wad.



1.2 Bilik atau ruang solat

-ada disediakan di setiap aras berhampiran dengan lobi tengah.

-pesakit perlu meminta kebenaran untuk keluar dari wad bagi ke ruang solat tersedia

-pesakit digalakkan menggunakan sudut solat tersedia di wad.






1.3 Kit Solat bersama dengan Troli HMI

-disediakan di setiap wad bagi pesakit yang solat dikatil masing-masing



1.4 Petunjuk Arah Qiblat ada disediakan di setiap wad

<p>*pengumuman waktu solat atau azan akan diumumkan melalui PA system apabila tiba waktu solat.</p>	
<p>2. BAHAN RUJUKAN IBADAH PESAKIT</p> <p>Garis panduan berkaitan solat dan ibadah pesakit boleh didapati di troli ibadah pesakit termasuklah Al Quran terjemahan dan garis panduan yang disediakan oleh pihak jakim</p>	 <p>Risalah Program Hospital Mesra Ibadah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</p>  <p>Senarai Panduan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ TANGGUNG JAWAB BAPA KEPADA ANAK SELEPAS KELAHIRAN ■ ADAB-ADAB MENZIARAH PESAKIT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ■ AMALAN & PERSEDIAAN MENGHADAPI KELAHIRAN MENURUT ISLAM ■ ANAK TIDAK SAH TARAF DARI SUDUT SYARAK ■ DOA HARIAN PESAKIT ■ ETIKA BEDAH SIASAT JENAZAH MENURUT ISLAM ■ SOLAT WANITA HAMIL DI WAD ■ TAYAMUM SEMASA SAKIT ■ WUDUK DENGAN MENGGUNAKAN PENYEMBUR AIR (WATER SPRAY) ■ PERANAN WARIS MENGHADAPI PESAKIT NAZAK DAN KEMATIAN ■ WANITA DAN DARAH
<p>3. BIMBINGAN MENUNAIKAN SOLAT</p> <p>-Pesakit yang memerlukan bantuan atau bimbingan solat atau ibadah boleh berhubung dengan staff bertugas di wad</p> <p>-Kami menawarkan perkhidmatan skuad ibadah pesakit yang boleh membantu/mengajar pesakit menunaikan ibadat solat.</p> <p>4. PERKHIDMATAN KAUNSELING SYARIE</p> <p>-sekiranya pesakit memerlukan kaunseling syarie staff di wad boleh</p>	

berhubung dengan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam bertugas atau AJK HMI	
---	--

PANDUAN 5 : PANDUAN PENGURUSAN IBADAH PESAKIT

PENDAHULUAN

Standard Operating Procedure (SOP) ini telah disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah (HMI) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai panduan pelaksanaan dan penyelarasan mengikut standard pensijilan HMI. Ia bagi kegunaan dan rujukan panduan pengurusan ibadah pesakit yang melibatkan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan SOP ini adalah seperti berikut:

1. Sebagai panduan bagi pegawai agama dan lain-lain pegawai yang berkenaan apabila kes berkaitan pengurusan ibadah pesakit dirujuk kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI); dan
2. Ia juga sebagai panduan pengurusan ibadah kepada pesakit yang menerima rawatan di hospital termasuklah waris.

TANGGUNJAWAB/RUJUKAN

1. Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) bertanggungjawab untuk memastikan SOP dan panduan pengurusan ibadah pesakit ini dipatuhi; dan
2. Pegawai agama juga boleh merujuk panduan berkaitan panduan bersuci dan bersolat bagi pesakit yang telah dikeluarkan oleh KKM dengan kerjasama JAKIM dan memastikan ia dipatuhi.

PENUTUP


SOP dan panduan ini adalah sumber rujukan utama bagi standard dan panduan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dalam pengurusan ibadah pesakit

CARTA ALIR BAGI TANGGUNGJAWAB & PROSES KERJA PANDUAN PENGURUSAN IBADAH PESAKIT

TANGGUNGJAWAB

Pakar Perubatan /
Pegawai Perubatan /
Ketua Penyelia / Ketua
Jururawat

Unit Hal Ehwal
Islam (UHEI)



PROSES KERJA

Rujukan kes dibuat oleh pegawai perujuk

Menerima borang rujukan

Membuat semakan borang (lengkap / tidak lengkap)

Mendapatkan maklumat pesakit daripada pegawai perujuk

Sesi khidmat nasihat / runding cara / amali / penyampaian perkhidmatan rujukan pengurusan ibadah pesakit :

- Panduan wuduk dan tayammum;
- Panduan pelaksanaan ibadah solat ketika sakit;
- Khidmat nasihat agama; dan
- Lain-lain

****Rujukan : Garis Panduan Bersuci & Bersolat Bagi Pesakit (Terbitan KKM & JAKIM)**

Penyediaan laporan / pemakluman kepada pegawai perujuk

PANDUAN 6 :PENYEDIAAN PRASARANA DAN KELENGKAPAN HOSPITAL MESRA IBADAH

PENDAHULUAN

SOP ini disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah sebagai panduan bagi penyelarasan penyediaan, penggunaan dan penyelenggaraan prasarana dan kelengkapan Hospital Mesra Ibadah (HMI) bagi pelanggan hospital (dalaman dan luaran).

PELAKSANAAN

Pelaksanaan SOP ini adalah seperti berikut :

1. **Kit Solat:** Ia adalah untuk kegunaan pesakit yang memerlukan peralatan dan panduan bagi kemudahan melaksanakan ibadah solat, mengambil wuduk dan bertayammum;
2. **Sudut HMI:** Sudut ini adalah sebagai sumber rujukan di mana ia hendaklah dipamerkan di ruang yang bersesuaian dan mudah dilihat oleh semua pelanggan hospital; dan
3. **Bunting HMI:** Panji-panji ataupun *bunting* sebagai mempromosikan Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) hendaklah dipamerkan di ruang yang bersesuaian dan mudah dilihat oleh semua pelanggan hospital

TANGGUNGJAWAB

Semua Ketua Jabatan / Ketua Unit / Ketua Penyelia Jururawat / Ketua Penyelia Hospital hendaklah memastikan agar semua peralatan ini dijaga, diselia dan sentiasa berada dalam keadaan baik. Sebarang lain- lain keperluan tambahan ataupun kerosakan/ dan sebagainya hendaklah dimaklumkan kepada :


Setiausaha

Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah


Hospital _____

SOP ini dijadikan sebagai sumber rujukan bagi prasarana dan kelengkapan HMI untuk kegunaan semua pelanggan terutamanya pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital KKM

**CARTA ALIRAN KERJA
SOP INFRASTRUKTUR HMI**



**CARTA ALIRAN KERJA
SOP PRASARANA HMI (ARAH KIBLAT)**



PANDUAN 7 : TATACARA AKTIVITI ZIARAH IBADAH PESAKIT

PENDAHULUAN

Solat merupakan kewajipan ke atas semua umat Islam termasuklah ketika sakit. Kajian mendapati hanya 20 peratus pesakit di wad atau hospital yang menunaikan solat lima waktu. Kebanyakannya menganggap mendapat pelepasan atau cuti dari ibadat solat apabila dimasukkan ke wad atau hospital. Pelbagai alasan yang diberikan untuk tidak menunaikan solat. Justeru, atas kesedaran tersebut Unit Hospital Mesra Ibadah HOSHAS dengan kerjasama Sukarelawan Rakan Masjid dan Hospital (RAHMAH) akan mengadakan program Ziarah Ibadah Pesakit bermula September 2020. Ziarah pesakit ini merupakan satu elemen yang terpenting bagi menerapkan nilai-nilai Hospital Mesra Ibadah di bumi HOSHAS.

OBJEKTIF

Tujuan utama program Ziarah Ibadah Pesakit adalah seperti berikut:

1. Memberi bimbingan dan bantuan kepada pesakit-pesakit yang ingin menunaikan Ibadah Solat ketika sakit.
2. Memberi kesedaran kepada pesakit tentang kewajipan menunaikan solat dalam apajua cara ketika sakit
3. Memberi kesedaran dan keyakinan kepada petugas kesihatan tentang tanggungjawab mengajak dan membantu pesakit menunaikan solat semasa berada di hospital.
4. Mengenalpasti pesakit-pesakit yang memerlukan kaunseling syarie oleh Pegawai agama islam.

PROSEDUR KERJA ZIARAH IBADAH PESAKIT

1. Terdapat 2 jenis Ziarah ibadah Pesakit yang akan dijalankan:

- 1.1. **Ziarah berkala** : setiap Hari Jumaat jam 3.00 – 5.00 petang
- 1.2 **Ziarah atas panggilan** : bergantung pada permintaan pesakit atau rujukan dari wad. Ini akan disediakan pada waktu bekerja (8.00pagi-5.00petang) oleh Pegawai Hal Ehwal agama hospital atau anggota sukarelawan HMI yang telah diberi kebenaran /lulus TOT sukarelawan.

1. Ziarah berkala akan dijalankan di setiap Jumaat petang mengikut jadual ziarah yang telah disediakan. Ketua unit/wad yang terlibat perlu menghantar senarai nama pesakit yang perlu diberi rawatan kaunseling agama sekiranya memerlukan.
2. Ziarah akan dilakukan kepada pesakit-pesakit mengikut senarai nama yang diberikan oleh ketua unit/wad. Sekiranya berkesempatan skuad ziarah boleh melawat pesakit lain yang difikirkan perlu.
3. Anggota Skwad Ziarah adalah terdiri daripada
 - 4.1. Seorang Pakar/Pegawai Perubatan
 - 4.2. Pegawai Hal Ehwal Agama Islam
 - 4.3. AJK Sukrelawan HMI
 - 4.4. Sukarelawan Rahmah
 - 4.5. Ketua unit /ketua wad
4. Ziarah hanya dilakukan secara ringkas dan tidak mengambil masa melebihi 15minit untuk seorang pesakit. Aktiiti yang boleh dilakukan semasa ziarah adalah seperti mengajar dan menolong pesakit berwudhu ata bertayammum dan bimbingan solat
5. Bahan -bahan atau sumbangan yang ingin diberikan kepada pesakit perlu dimaklumkan ke Unit HMI.
6. Sekiranya pesakit mempunyai masalah dan memerlukan bimbingan untuk menunaikan ibadah, pesakit tersebut perlulah dirujuk ke Pegawai Agama Islam HOSHAS
7. Selesai program ziarah, sahabat ziarah mesti mengisi borang laporan penilaian ibadat ziarah dan diserahkan kepada unit Ziarah HMI.

Laporan disediakan oleh :


SOP ZIARAH KE WAD YANG MELIBATKAN AGENSI LUAR

TANGGUNGJAWAB

Pakar Perubatan /
Pegawai Perubatan /
Ketua Penyelia / Ketua
Jururawat

Unit Hal Ehwal
Islam (UHEI)

Maklumkan
kepada
pemohon –
MAIN /JAIN /
NGO ISLAM



PROSES KERJA

Terima permohonan daripada agensi luar

Mendapatkan kelulusan daripada Pengurusan Tertinggi hospital

Memaklumkan pemohon berkaitan status permohonan

Memaklumkan kepada wad berkaitan

Melaksanakan program

Dokumentasi rekod

PANDUAN 8 :GARIS PANDUAN RUJUKAN PERKHIDMATAN UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI)

Standard Operating Procedure (SOP) ini telah disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah (HMI) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai panduan pelaksanaan dan penyelarasan mengikut standard pensijilan Program HMI. Ia adalah untuk kegunaan dan rujukan perkhidmatan yang disediakan berkaitan Hal Ehwal Islam dan kerohanian yang melibatkan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan SOP ini adalah sebagai panduan bagi pegawai agama dan lain-lain pegawai berkaitan di hospital apabila merujuk kes kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI). Kes meliputi pesakit, waris dan warga kerja hospital.

TANGGUNGJAWAB

1. Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) bertanggungjawab untuk memastikan SOP dan garis panduan pengurusan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam ini dipatuhi; dan
2. Pegawai agama juga boleh merujuk garis panduan pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah (Perspektif Islam) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

PENUTUP


Semoga SOP ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan utama bagi standard dan panduan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) bagi pengurusan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam dan pelaksanaannya di hospital-hospital KKM

SOP PENGENDALIAN RUJUKAN KES PESAKIT / WARIS PESAKIT / KAKITANGAN / WARIS KAKITANGAN

TANGGUNGJAWAB

Pakar Perubatan /
Pegawai Perubatan /
Ketua Penyelia / Ketua
Jururawat

Unit Hal Ehwal
Islam (UHEI)



PROSES KERJA

Menerima rujukan melalui /
borang rujukan panggilan
telefon

Melengkapkan borang rujukan

Mengklasifikasi kes

Tindakan awal: (segera @
temujanji)

Kajian kes: merujuk laporan kes
@ menghubungi pegawai yang
merujuk

Sesi runding cara / khidmat
nasihat / bimbingan kerohanian

Tindakan susulan jika perlu

Rujuk kepada pihak yang
berkaitan.

Ulasan ringkas di dalam fail
berkaitan

Dokumentasikan rekod


SOP RUJUKAN KES PESAKIT PSIKIATRI

TANGGUNGJAWAB

Pakar Perubatan /
Pegawai Perubatan /
Ketua Penyelia / Ketua
Jururawat

Unit Hal Ehwal
Islam (UHEI)

PROSES KERJA



Menerima rujukan melalui /
borang rujukan panggilan
telefon

Melengkapkan borang rujukan

Mengklasifikasi kes

Tindakan awal: (segera @
temujanji)

Kajian kes: merujuk laporan kes
@ menghubungi pegawai yang
merujuk

Sesi runding cara / khidmat
nasihat / bimbingan kerohanian

Tindakan susulan jika perlu

Ulasan ringkas di fail berkaitan


Dokumentasikan rekod

SOP RUJUKAN KES KE AGENSI LUAR (MAIN / JAIN / NGO ISLAM)

TANGGUNGJAWAB

Pakar Perubatan /
Pegawai Perubatan /
Ketua Penyelia / Ketua
Jururawat

Unit Hal Ehwal
Islam (UHEI)



PROSES KERJA

Menerima rujukan melalui borang rujukan / panggilan telefon

Menentukan kes yang perlu dirujuk

Mengklasifikasi kes

Menghubungi pihak berkenaan melalui surat

Menetapkan sesi, tarikh dan masa sesi pertemuan

Segala kos berkaitan perkhidmatan ditanggung sepenuhnya oleh mereka yang mendapat perkhidmatan tersebut (kadar bayaran yang dipersetujui bersama)

PANDUAN 9 : PENGUMUMAN WAKTU SOLAT FARDHU DAN BERBUKA PUASA

PENGUMUMAN HOSPITAL MESRA IBADAH

OBJEKTIF

Pengumuman ini adalah sebagai makluman kepada semua warga kerja dan pesakit berkenaan masuknya solat fardhu dan mewarwarkan HoSHAS sebagai sebuah hospital mesra ibadah.

TATACARA

- Pengumuman ini akan di bacakan setiap kali selepas Azan dan diulang sebanyak 2x.
- Suara yang direkodkan ini akan diulangsiar melalui bilik kawalan hospital oleh pegawai operator/siaraya hospital.
- Bagi bulan Ramadhan pengumuman waktu berbuka juga akan dimasukkan
- Skrip pengumuman adalah seperti berikut:

“ASSALAMUALAIKUM WBT

Untuk makluman petugas dan pesakit Hospital Sultan Haji Ahmad Shah sekarang sudah maksud waktu Solat Fardhu.....bagi kawasan Temerloh dan kawasan sekitarnya.

Hospital Ini merupakan Hospital Mesra Ibadah. Kami menyediakan kemudahan dan bantuan untuk kemudahan pesakit Solat.

Sekiranya anda mengalami kesulitan untuk menunaikan ibadah boleh berhubung engan Staff Di di Wad anda.

Semoga Ibadat yang kita tunaikan diterima dan diberkati Allah SWT

Sekian,terima kasih.”

PANDUAN 10 : PANDUAN AZAN,IQOMAH DAN TAHNIK SELEPAS KELAHIRAN, PANDUAN PENGURUSAN URI

1.SOP AZAN DAN IQAMAT BAYI BARU LAHIR

Azan dan iqamat adalah dan merupakan amalan sunat yang amat digalakkan dalam Islam. Amalan ini sepatutnya merupakan perkara pertama yang didengari di telinga bayi sejeurus selepas kelahiran.

1.1. Kriteria bayi yang dibenarkan :

Semua bayi adalah digalakkan untuk diperdengarkan azan dan iqamat sejeurus kelahiran, tetapi untuk keselamatan dan kemaslahatan bayi dan para perawat kesihatan, bayi yang dibenarkan untuk terus diperdengarkan azan dan iqamat sejeurus kelahiran adalah :

- Bayi yang stabil
- Bagi bayi yang tidak stabil, bolehlah dilakukan kemudian ketika bayi sudah stabil atau selepas dimasukkan ke wad SCN/NICU (sekiranya memerlukan kemasukan ke wad)

1.2. Siapa yang bertanggungjawab untuk memperdengar azan dan iqamat kepada bayi baru lahir?

Sesiapa sahaja boleh memperdengar azan dan iqamat kepada bayi, tetapi keutamaan diberikan kepada :

- Baba bayi
- Waris terutamanya waris lelaki terdekat
- Staf jika tiada waris di hospital

1.3. Waktu dan tempat untuk memperdengar azan dan iqamat

- ◆ Waktu yang digalakkan adalah sebaik sejeurus selepas kelahiran.
- ◆ Jika suami menemani isteri ketika di bilik bersalin, azan dan iqamat boleh dilakukan ketika bayi berada di atas badan isteri untuk sentuhan kulit ke kulit (*skin-to-skin contact*)
- ◆ Jika suami tidak menemani isteri ketika di bilik bersalin, azan dan iqamat boleh dilakukan dengan bayi dibawa keluar ke hadapan PAC dan suami boleh memperdengar azan dan iqamat kepada bayi di Bilik Azan & Iqamat di hadapan PAC.

- ◆ Jika tiada waris di Dewan Bersalin, azan dan iqamat akan dilakukan oleh staf di Dewan Bersalin, tetapi suami dibenarkan untuk memperdengar azan dan iqamat kepada bayi di wad Postnatal.
- ◆ Bagi kes-kes Elective Caesarean, suami atau waris digalakkan untuk menunggu di hadapan Dewan Bedah Bersalin/ Dewan Bedah Utama (mengikut tempat kes dijalankan), bayi akan dibawa keluar ke tempat menunggu untuk diazan dan diiqamatkan oleh suami/waris.
- ◆ Bagi kes-kes Emergency Caesarean, suami atau waris juga digalakkan untuk menunggu di hadapan Dewan Bedah Bersalin/ Dewan Bedah Utama (mengikut tempat kes dijalankan), bayi akan dibawa keluar ke tempat menunggu untuk diazan dan diiqamatkan oleh suami/waris .
 1. Bagi pesakit daripada wad antenatal, suami akan diarahkan untuk pergi ke hadapan Dewan Bedah Bersalin/ Dewan Bedah Utama (mengikut tempat kes dijalankan) melalui lobi utama
 2. Bagi pesakit daripada Dewan Bersalin atau PAC, suami akan dibawa bersama ke Dewan Bedah Bersalin/ Dewan Bedah Utama (mengikut tempat kes dijalankan) ketika pesakit ditolak dari Dewan Bersalin/PAC
 3. Bayi yang perlu dibawa ke hadapan PAC atau Dewan Bedah Bersalin/ Dewan Bedah Utama akan dibawa dengan menggunakan kot bayi.
- ◆ Sekiranya bayi dimasukkan ke wad SCN/NICU dan tidak stabil untuk diazan terlebih dahulu di Dewan Bersalin /Dewan Bedah Utama, suami dibenarkan untuk melawat bayi di SCN/NICU untuk kali pertama tidak mengira masa untuk memberi ruang untuk suami mengazankan bayi
 - a. Hanya suami sahaja yang dibenarkan melawat ke SCN/NICU selain daripada pesakit sendiri.
 - b. Bayi akan diazankan ditepi kot bayi atau dimana bayi berada.
 - c. Waris tidak dibenarkan melawat ke SCN/NICU.
 - d. Sekiranya suami tidak dapat dating melawat, bayi akan diazankan oleh staf atau jika tiada staf lelaki bekerja pada waktu tersebut, bayi boleh dirujuk kepada Unit Hal Ehwal Islam Hospital Sultan Haji Ahmad Shah untuk urusan azan dan iqamah (Ustaz Ku Mohd Fikridin bin Ku Yakub – ext 1050)

1.4. Tatacara azan dan iqamat bayi baru lahir :

1. Disunatkan berwudhu' terlebih dahulu (tempat wudhu disediakan dihadapan PAC).
2. Meletakkan bayi dilengan tangan kanan (jika boleh).
3. Digalakkan menghadap kiblat
4. Memperdengarkan azan ditelinga kanan dan iqomat ditelinga kiri.

CONTOH-CONTOH DOA YANG BAIK UNTUK BAYI :


اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ بَارًّا تَقِيًّا رَشِيدًا وَأَنْبِئْهُ فِي الْإِسْلَامِ نَبَاتًا حَسَنًا

Maksudnya : “ Ya Allah jadikanlah dia orang yang baik, bertakwa dan cerdas. Tumbuhkanlah ia dalam islam dengan pertumbuhan yang baik.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعِيذُ بِكَ وَذُرِّيَّتَهُ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

“ Ya Allah, Aku mohon perlindungan kepada Mu untuk bayi ini dan untuk keturunannya dari godaan syaitan yang terkutuk”.

**CARTA ALIR AZAN DAN IQAMAH BAYI BARU LAHIR DI DEWAN BERSALIN/DEWAN
BERSALIN BEDAH/ DEWAN BEDAH UTAMA**



2. SOP TAHNIK DI DEWAN BERSALIN/PAC

Tahnik adalah satu amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan sejeurus selepas kelahiran atau pada hari yang sama, tetapi jika terdapat keuzuran, bolehlah dilewatkan ke hari yang kemudian.

2.1. Keperluan :

- Barang-barang keperluan perlulah disediakan oleh pesakit dan keluarga sendiri.
- Kurma akan disediakan dihadapan dewan bersalin.
- Disunatkan untuk menggunakan kurma
- Jika ingin membawa waris atau orang soleh yang lain, bolehlah dibawa ke hadapan PAC

2.2. Tatacara tahnik dilakukan

- Hanya bayi yang stabil sahaja dibenarkan untuk ditahnikkan
- Seelok-eloknya dilakukan oleh lelaki atau wanita yang soleh supaya boleh didoakan doa yang baik-baik untuk bayi yang baru lahir
- Boleh dilakukan di Bilik Azan & Iqamat di hadapan PAC dengan membawa bayi dengan kot bayi ke bilik tersebut (bagi suami dan isteri yang mahu tahnik dibuat pada hari kelahiran).
- Dimulakan dengan Istighfar dan membaca surah Al-Fatihah, dan disertai dengan bacaan Ayat Qursi dan selawat ke atas Rasulullah SAW
- Digalakkan juga membaca Surah Al-Ikhlâs, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas
- Buah kurma dikunyah atau dilenyekkan dan digosok ke langit bayi dengan menggunakan hujung jari (digalakkan menggunakan jari yang lebih kecil supaya mengelakkan ketidak selesaan bagi bayi)
- Dibiarkan bayi menghisap kurma tersebut, ketika ini bolehlah dibacakan Surah Ali Imran, ayat 33-34 dan kemudian bolehlah dicabut jari dari mulut bayi

﴿ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَعِيسَىٰ ابْنَ مَرْيَمَ وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَعِيسَىٰ ابْنَ مَرْيَمَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴾


﴿ ذُرِّيَّةً بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴾

Maksudnya :

- 33 Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam dan Nabi Nuh dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing). 34 : (Mereka kembang biak sebagai) satu keturunan (zuriat) yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Seterusnya digalakkan membaca doa yang baik-baik untuk bayi dan keluarga berkenaan

CARTA ALIR TAHNIK BAYI BARU LAHIR DI DEWAN BERSALIN



3. PANDUAN PENGURUSAN URI

Uri adalah suci dan bukan najis, oleh itu uri perlu diuruskan dan ditanam dengan baik. Hukum menanam uri adalah harus atas tujuan menjaga kebersihan dan kesucian uri tersebut dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

3.1 . Tatacara pengurusan uri

- i.** Uri perlulah dibasuh dengan air yang bersih
- ii.** Membasuh uri menggunakan asam dan garam mengikut adat Melayu dibolehkan sekiranya hal ini bertujuan untuk menghilangkan bau uri tersebut sebelum ditanam (harus hukumnya bagi mengelakkan uri dihidu oleh kucing atau anjing)
- iii.** Uri ditanam cukup dalam untuk mengelakkan ia boleh dihidu oleh binatang seperti kucing atau anjing
- iv.** Mengelakkan perkara-perkara khurafat dan tahyul seperti :
 - o Menanam uri bersama pensel dan buku agar bayi lebih pandai
 - o Menanam uri bersama duit syiling agar bayi kelak menjadi kaya
 - o Meletakkan lilin di kawasan uri dengan keyakinan bayi tidak akan kembung perut
 - o Menanam uri dengan paku atau benda tajam bagi mengelakkan uri didekati makhluk halus

3.2 Terdapat sesetengah pesakit yang tidak akan dipulangkan urinya seperti:

- o Pesakit Covid-19
- o Pesakit HIV/ Hepatitis B/Hepatitis C
- o Pesakit yang urinya diperlukan untuk ujian makmal

PANDUAN 11: TATACARA PENGURUSAN JENAZAH MUSLIM

PENGENALAN

Standard Operating Procedure (SOP) ini telah disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah (HMI) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai panduan pelaksanaan dan penyelarasan mengikut standard pensijilan Program HMI. Ia kegunaan dan rujukan panduan pengurusan jenazah muslim yang melibatkan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERLAKSANAAN


Pelaksanaan SOP ini adalah sebagai panduan bagi pegawai agama dan pegawai berkaitan di hospital apabila kes pengurusan jenazah orang Islam dirujuk kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI). Pengurusan kes adalah dengan kerjasama Unit / Jabatan Perubatan Forensik. Keperluan tertentu agensi yang berkaitan juga diambil kira (jika berkenaan).

1. Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Unit / Jabatan Perubatan Forensik bertanggungjawab untuk memastikan SOP dan Garis Panduan Pengurusan Jenazah Orang Islam Di Hospital dipatuhi,
2. Dokumen ini perlu dibaca bersekali dengan mana-mana garis panduan dan polisi berkaitan Perkhidmatan Perubatan Forensik.

PENUTUP

SOP dan garis panduan menjadi sumber rujukan utama bagi standard dan panduan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dalam pengendalian jenazah orang Islam.

CARTA ALIRAN KERJA
MENGAWAL SELIA PENGURUSAN JENAZAH ISLAM YANG TIADA
PENGESAHAN IDENTITI AGAMA / UNKNOWN



TANGGUNGJAWAB
SOP MENGAWAL SELIA PENGURUSAN JENAZAH ISLAM YANG TIADA
PENGESAHAN IDENTITI AGAMA / UNKNOWN

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN
1	Menerima rujukan dari Unit / Jabatan Perubatan Forensik untuk kes berkaitan: i. pengesahan status agama ii. tuntutan jenazah (perebutan)	UHEI
2	Mendapatkan maklumat lanjut dari Unit / Jabatan Perubatan Forensik	UHEI
3	Berhubung dengan agensi yang bertanggungjawab seperti JAIN / Jabatan Mufti / MAIN (jika perlu)	UHEI / Unit / Jabatan Forensik
4	Bekerjasama bersama agensi terlibat sehingga selesai	UHEI
5	Dokumentasi dan rekod	UHEI

GARIS PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH PESAKIT MUSLIM DI HOSHAS

PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai suatu dokumen rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat mengendalikan pengurusan jenazah orang Islam agar menepati kehendak syarak dengan mengambilkira pandangan pakar dan ketetapan polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengurusan jenazah pesakit ini merupakan satu elemen yang terpenting bagi menerapkan nilai-nilai Hospital Mesra Ibadah di bumi HOSHAS. Garis panduan ini sekaligus dapat mengelak kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan kakitangan HoSHAS

OBJEKTIF

1. Memberi bimbingan dan bantuan kepada waris yang ingin menguruskan jenazah.
2. Memberi kesedaran dan keyakinan kepada petugas kesihatan tentang perkara Sunnah yang boleh dilakukan terhadap jenazah semasa berada di hospital.
3. Melancarkan urusan jenazah semasa berada dihospital.

PROSEDUR PENGURUSAN JENAZAH PESAKIT

1. Di Wad
 - Kakitangan wad akan maklumkan unit forensic berlaku kematian diwad mana (bagi persiapan di forensic)
 - Kakitangan wad akan siapkan permit kubur dan depending discharge ke unit forensik
 - Bila semua dokumen telah lengkap kakitangan wad akan maklumkan unit forensic untuk ambil jenazah diwad
2. Di Unit forensik
 - Kakitangan akan sediakan jenazah untuk diserahkan pada waris
 - Waris boleh memilih untuk menyempurnakan pengurusan jenazah di unit forensic atau membawa jenazah untuk diuruskan dirumah atau tempat lain

- Sekiranya waris ingin menguruskan jenazah di unit forensik waris boleh memilih untuk menggunakan ustaz/ustazah yang disediakan oleh pihak hospital atau waris nak bawa ustaz/ustazah lain.
 - I. Ustaz/ustazah yang bertugas mengikut giliran di HoSHAS: waris boleh mengambil nombor telefon dari papan kenyataan di unit forensic. Ustaz/ustazah yang bertugas akan sediakan semua kelengkapan untuk mandi dan mengafan jenazah. Bayaran rm600 bagi kes biasa dan rm700 ke rm800 bagi kes berjangkit.
 - II. ustaz/ustazah yang dibawa sendiri oleh waris: waris kena sediakan sendiri peralatan mengafan atau ustaz/ustazah yang akan memandikan jenazah akan sediakan
- sebelum jenazah boleh dibawa keluar, waris akan tandatangan buku daftar kematian

3. Kenderaan

- Jika waris memerlukan kenderaan hospital untuk membawa jenazah, waris perlu ke “call center” untuk isi borang mohon kenderaan
- Waris juga boleh menguruskan/menggunakan kenderaan jenazah dari luar

4. Perkara sunat dilakukan selepas kematian

- a. PEJAMKAN MATANYA DAN IKAT RAHANGNYA.
Pejamkan kedua-dua matanya dan ikat kedua-dua rahangnya menggunakan kain agar mulutnya tidak terbuka.
- b. LEMBUTKAN SENDI-SENDINYA.
Lembutkan setiap tulang-tulang sendinya dan kembalikan setiap sendi ke tempatnya.
- c. LETAK SESUATU ATAS PERUT.
Letakkan sesuatu yang sederhana berat di atas perutnya agar ia tidak kelihatan kembung hingga menjadikannya kurang elok.
- d. TANGGALKAN PAKAIAN.
Disunatkan agar ditanggalkan seluruh pakaiannya dan menutupnya dengan kain yang nipis.

- e. **DILETAKKAN DITEMPAT LEBIH TINGGI.**
Letakkan jenazah di tempat yang lebih tinggi daripada lantai seperti di atas tilam serta menghadapkannya ke arah kiblat.

PANDUAN 12: PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH PENYAKIT BERJANGKIT/ COVID 19

KAEDAH PENGURUSAN JENAZAH SEMASA KRISIS WABAK COVID-19

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pihak masjid dan ahli jawatankuasa qariah berkaitan Tatacara Pengurusan Jenazah Islam (bukan Pesakit Covid-19) di Negeri Selangor.

2 ARAHAN PEMATUHAN

Mengambil kira keadaan semasa penularan wabak Covid-19 dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), setiap petugas yang bertanggungjawab menguruskan jenazah di peringkat ahli jawatankuasa masjid hendaklah mematuhi semua garis panduan yang telah ditetapkan.

3 KETETAPAN

3.1 Jika meninggal dunia di rumah, dalam keadaan

3.1.1. Meninggal dunia biasa;

3.1.2. Meninggal dunia tetapi mempunyai gejala batuk, demam dan lain lain tetapi tidak dikategorikan sebagai kes dalam siasatan (Person Under Investigation) COVID-19; atau

3.1.3. Meninggal dunia dalam tempoh empat belas (14) hari semasa menjalani arahan Home Quarantine atau Stay Home Notice (SHN).

3.2 Jenazah hendaklah diurus mengikut kaedah berikut;

3.2.1. Bagi kes (3.1.1) dan (3.1.2), sebelum jenazah diurus, pihak ahli jawatankuasa masjid hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Perubatan/ Penolong Pegawai Perubatan hospital berhampiran dan membuat laporan kematian sebagaimana biasa dilapor kepada pihak Polis;

3.2.2. Bagi kes (3.1.1) dan (3.1.2) AJK masjid boleh menguruskan jenazah di rumah menggunakan kaedah berikut :

CARA MEMANDIKAN JENAZAH;

- a. Jenazah harus dimandikan di tempat yang tertutup, agar yang melihat hanya orang-orang yang memandikan saja.
- b. Jenazah diletakkan di tempat yang tinggi, seperti meja yang panjang.
- c. Menggunakan sarung untuk menutup aurat jenazah.
- d. Jenazah didudukkan atau disandarkan pada sesuatu, kemudian diusap perutnya dan ditekan pelan-pelan agar semua kotorannya keluar. Lalu yang memandikan menggunakan sarung tangan kiri untuk membasuh lubang depan dan lubang belakang jenazah, dan kemudian membersihkan mulut dan hidung jenazah, setelah itu mewudhu'kannya seperti wudhu'nya orang yang masih hidup.
- e. Membasuh kepala dan wajah jenazah dengan menggunakan sabun atau lainnya, kemudian menyisir rambutnya.
- f. Membasuh seluruh tubuh dimulai dari sisi kanan jenazah, kemudian sisi kirinya.

3.3 Bagi kes 3.1.3 meninggal dunia dalam tempoh empat belas (14) hari semasa menjalani arahan Home Quarantine atau Stay Home Notice (SHN). Tindakan berikut hendaklah dilaksanakan :

3.3.1 Membuat laporan di hospital berhampiran / Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) berhampiran untuk pengesahan status jenazah; dan;

3.3.2 Jenazah tersebut hendaklah dibawa ke Hospital terdekat untuk diurus mengikut cara yang ditentukan oleh Jabatan / Unit Perubatan Forensik hospital berkaitan.

3.4 Jika meninggal dunia di hospital : Jenazah tersebut hendaklah diurus sebagaimana cara yang telah ditentukan oleh Jabatan / Unit Perubatan Forensik.

4 TANGGUNGJAWAB PENGURUS JENAZAH

4.1 Pengurus jenazah hendaklah menggunakan mask (penutup muka), apron dan sarung tangan sebelum mengendalikan jenazah.

4.2 Elakkan menyentuh jenazah tanpa menggunakan lapik atau sarung tangan.

4.3 Elakkan atau minimumkan air mandian merecik dan terkena petugas.

4.4 Tidak membenarkan mereka yang tidak berkenaan masuk ke tempat memandikan jenazah.

4.5 Peralatan yang digunakan semasa memandikan jenazah hendaklah dilupus atau dibersihkan mengikut prosedur yang betul.

4.6 Setelah selesai urusan memandi dan mengapankan jenazah tersebut, hendaklah segera mandi dan menukar pakaian yang digunakan sebelum bertemu dengan ahli keluarga atau orang lain.

5 PENGURUSAN JENAZAH COVID-19

5.1 Selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 17 Mac 2020, yang memutuskan bahawa pengurusan jenazah akibat covid-19 hendaklah diuruskan / dilaksanakan sepertimana pengurusan jenazah orang Islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti virus Ebola di Malaysia

5.2 Jenazah hendaklah diuruskan melalui prosedur tayammum iaitu dengan hanya melakukan tayammum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut sahaja.

6 TANGGUNGJAWAB KELUARGA DAN MASYARAKAT

6.1 Bila berlaku kematian, kaum keluarga perlu mengelak daripada menyentuh mayat sama ada memeluk, mencium dan sebagainya.

6.2 Semasa menunaikan solat jenazah sila pastikan tidak terlalu ramai dan mengambil kira penjarakkan sosial (tidak terlalu rapat) bagi mengelak sebarang risiko jangkitan.

6.3 Adalah dinasihatkan supaya ahli keluarga yang perlu sahaja hadir untuk pengebumian, dibaca doa ringkas dan dikehendaki segera meninggalkan tanah pekuburan sebaik sahaja urusan pengebumian selesai.

6.4 Mereka yang hadir dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu seperti menggunakan penutup muka untuk mengelak sebarang risiko jangkitan. 6.5 Jenazah hendaklah diurus dengan sesegera mungkin tanpa ditangguh seperti menunggu kepulangan saudara mara yang jauh.

6.6 Masyarakat Islam juga hendaklah melaporkan kepada PKB jika berlaku kematian yang disyaki ada gejala COVID-19 untuk menentukan kaedah pengurusan jenazah bagi memastikan keselamatan kepada mereka yang terlibat dalam pengendalian dan pengurusan jenazah tersebut.

PANDUAN 13 : GARIS PANDUAN BEDAH SIASAT MAYAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

DAFTAR ISTILAH

- a . **Dharuriyyat** - Suatu keadaan yang mana tiada cara atau jalan lain untuk menyelesaikan perkara tersebut melainkan terpaksa melakukan perkara tersebut .
- b . **Hajiyat** - Keperluan bagi tujuan memudahkan hal-hal daruriyyat.
- c . **Rukhsah**(Kemudahan) - Rukhsah bermaksud hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S . W. T. berdasarkan kepada keuzuran seseorang hamba kerana menjaga hajat mereka serta berkekalan sebab yang mewajibkan hukum asal.
- d. **Etika** - Etika bermaksud ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan .
- e . **Interpretasi** - Tafsiran, penjelasan (tentang makna, tujuan, implikasi)
- f . **Subklavikular** - bawah tulang selangka

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada pengendali bedah siasat, pengamal undang-undang, polis dan mereka yang berkenaan dalam pengendalian bedah siasat mayat.

2. PENGENALAN

Sejarah perubatan telah mencatatkan bahawa bedah siasat atau post mortem ke atas mayat, atau dengan lain perkataan ilmu perubatan forensik mula diperkenalkan dari Negara Arab, kemudian berkembang ke Greek dan negara-negara barat seterusnya ke seluruh dunia. Perkembangan kemajuan sains perubatan dalam ilmu pembedahan adalah berasaskan kepada keilmuan yang dibawa oleh Ibnu Sina. Perkembangan dari semasa kesemasa melalui kajian dan pengajian ahli sains perubatan telah menghasilkan teknologi moden dalam ilmu bedah siasat mayat dengan cara lebih saintifik bagi mencari keadilan yang dikehendaki.

Pada abad ke 21 ini, bedah siasat mayat merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan bukan asing di kalangan umat Islam. Ini kerana ia adalah tindakan yang perlu diambil dan dilakukan untuk kepentingan masyarakat seperti untuk menyelesaikan kes-kes jenayah atau bukan kes jenayah serta kajian dalam bidang perubatan. Walau bagaimana pun dalam urusan bedah siasat mayat, Islam telah menetapkan beberapa garis panduan yang perlu diikuti supaya tidak timbul

percanggahan antara tuntutan syarak dengan amalan yang dilakukan dalam bidang perubatan.

3. KEPUTUSAN FATWA

3.1 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah memutuskan; "Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (dharurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan post mortem atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup."

3.2 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 dalam membincangkan mengenai hukum bedah siasat mayat yang kematian bukan dikategorikan kes jenayah telah memutuskan; "Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan dharurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematiandan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan . "

4. AMALAN BEDAH SIASAT MAYAT

4.1 Definisi Bedah Siasat Mayat

Bedah siasat atau dalam istilah bahasa Inggeris disebut post-mortem bermaksud suatu pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan ke atas mayat. Ianya melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenalpasti punca kematian dan ciri atau setakat mana perubahan dihasilkan oleh sesuatupenyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain.

4.2 Objektif Bedah Siasat Mayat

Pembedahan yang dilakukan ke atas mayat mempunyai objektif-objektif tertentu di antaranya:

- i. Untuk mengesahkan identiti si mati.
- ii. Untuk mengenalpasti sebab kematian.
- iii. Untuk mengetahui punca, cara dan masa kematian.
- iv. Untuk menghilangkan keraguan mengenai sebab kematian.
- v. Untuk menunjukkan penyakit dan kecacatan.
- vi. Untuk mengesan, menggambar dan mendokumenkan penyakit dan kecederaan luar serta dalam.

- vii. Untuk mendapatkan sampel untuk dikaji seperti kajian kuman, tisu abnormal dan lain-lain.
- viii. Untuk mengambil gambar dan rakaman video bagi tujuan bukti/barang kes.
- ix. Untuk menyediakan laporan bertulis yang lengkap penemuan dalam pemeriksaan mayat.
- x. Untuk memberi perkhidmatan pakar tentang interpretasi penemuan semasa pemeriksaan mayat.
- xi. Untuk memulih semula keadaan mayat yang cedera teruk sebaik mungkin sebelum diserahkan kepada waris.
- xii. Untuk pengajian akademik, menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang perubatan.
- xiii. Untuk meningkatkan kepakaran.
- xiv. Untuk membuat kajian rawatan sesuatu penyakit.
- xv. Untuk keperluan undang-undang.

4.3 Jenis-jenis Bedah Siasat Mayat

4.3.1 Bedah siasat klinikal

Bedah siasat mayat dijalankan bagi mengesahkan punca kematian, kesan sesuatu penyakit atau kecederaan serta bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Kes-kes kematian ini tidak berkait dengan kes Polis seperti kes penyakit mudah berjangkit atau kematian di wad. Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat keizinan dari waris sebelum membuat bedah siasat. Dalam kes-kes yang melibatkan kepentingan umum seperti kes dibawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), bedah siasat mayat dibolehkan tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris.

4.3.2 Bedah siasat medicolegal

Bedah siasat ke atas mayat yang dikaitkan dengan kes Polis seperti kemalangan, mati lemas, kebakaran, pembunuhan dan kematian yang disyaki/tidak pasti sebabnya. Majistret atau Polis akan mengeluarkan (Borang Pol. 61) kepada Pegawai Perubatan Kerajaan untuk menjalankan bedah siasat mayat tanpa perlu merujuk atau mendapat keizinan waris

4.4 Keperluan Bedah Siasat Mayat

- i. Bedah siasat mayat dilakukan kerana ia keperluan undang-undang untuk membuktikan kebenaran dan menegakkan keadilan bagi si mati dan waris.
- ii. Bedah siasat mayat dapat mengelakkan perkara yang tidak diinginkan yang timbul di masa hadapan setelah mayat dikebumikan.

- iii. Hasil bedah siasat mayat dapat digunakan bagi menyelamatkan dan melindungi orang ramai daripadapenyakit berjangkit yang berbahaya pada masa akan datang
- iv. Bedah siasat mayat dapat menambah ilmu dan ke-pakaran dalam bidang perubatan.
- v. Kajian daripada hasil bedah siasat mayat dapat meningkatkan tahap kesihatan dan keharmonian hidup masyarakat.

4.5 Kematian yang perlu bedah siasat

Selain bedah siasat mayat yang dibenarkan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, terdapat juga kematian yang perlu kepada bedah siasat mengikut peruntukan undang-undang dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia yang selaras dengan kehendak syarak (dharuriyyat dan hajiyyat)iaitu:

4.5.1 Kes kematian medicolegal

- a. Semua kematian yang mendadak luar biasa, disyaki bukan kes- kes biasa, akibat perlakuan ganasseperti bunuh.
- b. Kematian mendadak biasa tetapi tidak diketahui sebab kematian dari segi perubatan.
- c. Kematian akibat kemalangan menggunakan kenderaan.
- d. Kematian di tempat kerja; kemalangan, penyakit dan keracunan di tempat kerja.
- e. Kematian akibat keracunan. (e.g. alcohol intoxication, coal gas, insecticides, barbiturates etc).
- f. Kematian akibat bunuh diri.
- g. Kematian akibat penggunaan gas-gas perubatan semasa pembedahan, prosedur penyiasatan perubatan,peralatan dan teknologi yang digunakan oleh hospital/klinik dan sebagainya.
- h. Kematian akibat kemalangan di rumahhospital/ institusi/tempat umum.
- i. Kematian akibat kecuaiian pegawai dan kakitangan hospital/klinik seperti kecuaiian menggunakanprosedur perubatan, peralatan,ubat, rawatan dan sebagainya.
- j. Kematian tahanan polis, tahanan reman, banduan di kem-kem tahanan.
- k.Kematian di Institusi Mental, rumah sakit jiwa dan lain-lain.
- l. Kematian bayi baru lahir yang dijumpai.
- m. Kematian kanak-kanak akibatan keleemasan (suffocation) nafas.
- n. Kematian berkaitan anak-anak angkat.
- o. Sebarang kematian akibat kebakaran dan letupan.
- p. Mati lemas.
- q. Sebarang kematian di luar kawasan kediaman seperti di tepi jalan, dalam sungai, perairan dan sebagainya, di mana kediaman si mati tidak diketahui.

r. Kematian akibat dari bahan-bahan kimia dan radiasi perindustrian seperti toksid, asid, radioaktif dan sebagainya.

4.5.2 Kes Kematian Klinikal

- a. Kematian akibat penyakit berjangkit seperti Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), AiDS, Anthraks, Japanese Encephalitis (JE) dan seumpamanya.
- b. Kematian di wad yang diketahui sebabnya tetapi memerlukan maklumat lebih lanjut mengenai sebab kematian.
- c. Kematian ibu semasa mengandung (maternal death).

4.6 Prosedur Bedah Siasat Mayat

- i. Kebenaran bagi menjalankan bedah siasat mayat tertakluk kepada:
 - a. Arahan Majistret atau Polis bagi kes-kes kematian medicolegal.
 - b. Arahan Ketua Pengarah Kesihatan bagi kes-kes tertentu seperti penyakit berjangkit atas kepentingan umum.
 - c. Mendapatkan kebenaran dan keizinan bertulis dari waris bagi kes-kes bedah siasat clinical.
- ii. Bedah siasat ke atas mayat hanya boleh dijalankan di hospital-hospital kerajaan atau tempat lain yang sesuai (Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah).
- iii. Bedah siasat mayat hanya boleh dijalankan oleh Pegawai Perubatan kerajaan sahaja.

4.7 Proses Bedah Siasat Mayat

- i. Pemeriksaan luaran
Menjalankan pemeriksaan luaran untuk mendokumentasi kecederaan mayat. Pegawai Perubatan Kerajaan akan membuat pemeriksaan terperinci ke atas mayat antaranya pakaian simati, keadaan mayat secara keseluruhan, perubahan-perubahan luaran yang berkaitan dengan kematian dan penyakit serta tanda-tanda kecederaan. Sekiranya sebab kematian dapat dikenalpasti, maka pembedahan mayat tidak lagi perlu dilaksanakan.
- ii. Pemeriksaan dalaman
Sekiranya pemeriksaan luaran masih tidak dapat mengenalpasti punca kematian, maka pemeriksaan dalaman perlu dijalankan. Ini termasuklah membuka tempurung kepala, rongga dada, abdomen, pelvis dan lain-lain bila mana perlu.

- iii. Pengambilan spesimen iaitu mengambil cecair badan untuk analisis toksikologi dan lain-lain ujian seperti pemeriksaan radiologi, kaji kuman, kajian tisu dan fotografi Forensik.

5 . ETIKA BEDAH SIASAT MAYAT MENURUT ISLAM

Kaedah melakukan bedah siasat mayat bukanlah sesuatu yang mutlak. Individu atau kumpulan yang terlibat dalam urusan bedah siasat mayat perlu memenuhi etika yang digariskan oleh syarak antaranya;

5.1 Menghormati, menjaga hak dan kemuliaan mayat sebagai manusia

Semua Pegawai dan Petugas Perubatan Kerajaan yang terlibat dalam proses bedah siasat hendaklah menghormati mayat seperti manusia yang masih hidup. Islam menyuruh orang yang masih hidup supaya menjaga kemuliaan, hak-hak dan kehormatan orang yang telah mati sepertimana orang hidup tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Islam melarang seseorang menganiayai seseorang yang lain sama ada pada diri, maruah dan harta mereka.

“Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Israa’ ayat 70 yang bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”

5.2 Menyegerakan urusan bedah siasat mayat

Urusan bedah siasat mayat hendaklah dijalankan dengan segera supaya selaras mengikut kehendak syarak yang mewajibkan mayat diuruskan dengan segera, sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Segeralah penyelesaian pengurusan jenazah kerana kalau ia jenazah orang soleh maka bererti kamu menyegerakan kepada kebaikan dan apabila sebaliknya (mayat yang tidak soleh) maka bererti kamu telah melepaskan kejahatan dari bahumu”.(Riwayat Muslim)

5.3 Kebenaran Waris

- i. Bagi kes-kes bedah siasat klinikal, Pegawai Perubatan Kerajaan perlu mendapat kebenaran daripada waris untuk melakukan bedah siasat.
- ii. Bagi kes-kes bedah siasat medicolegal kebenaran dari waris tidak diperlukan untuk melakukan bedah siasat.

5.4 Melakukan bedah siasat dengan cermat (tidak kasar)

Pembedahan hendaklah dilakukan dengan cara cermat supaya tidak merosakkan kehormatan dan kemuliaan mayat. Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud; Dari Aisyah r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda; “Memecahkan/mematahkan tulang mayat sama seperti memecahkannya /mematahkannya sewaktu hidupnya”. (Riwayat Abu Daud)

5.5 Melakukan bedah siasat mayat setakat yang diperlukan sahaja

Bedah siasat mayat yang dilakukan tidak boleh melampaui batas atau had rukhsah yang dibenarkan kerana mengambil kira hukum asal menyakiti mayat adalah haram. Oleh itu, bedah siasat mayat boleh dilakukan keatas mana-mana anggota mayat yang diyakini boleh membantu mencapai matlamat pembedahan dan mengenalpasti sebab-sebab kematian. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqhiyyah iaitu ‘perkara dharurat adalah dikira mengikut kadarnya’.

5.6 Menjaga aurat mayat

Orang yang melakukan bedah siasat mayat hendaklah tidak boleh dengan sengaja melihat aurat mayat kecuali pada kadar yang diperlukan sahaja. Diriwayatkan dari Saidina Ali k.m.j., Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Janganlah kamu nyatakan (perlihatkan) paha, dan janganlah kamu memandang kepada paha orang hidup dan orang mati”.(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah) Mayat sebolehnya diuruskan oleh petugas dari jantina yang sama. Kaedah ini merujuk kepada keputusan Persidangan Majma’ al-Fiqh al-Islami (Islamic Fiqh Academic) di Brunei Darussalam pada 21-27 Jun 1993 mengenai wanita yang ingin mendapatkan rawatan perlu mengikut keutamaan berikut;

- a. Doktor perempuan muslim pakar
- b. Doktor perempuan bukan muslim pakar
- c. Doktor lelaki muslim pakar
- d. Doktor lelaki bukan muslim pakar

Islam mengharuskan rawatan lelaki terhadap perempuan dan sebaliknya dengan syarat-syarat seperti berikut;

- a. Tidak bersendirian
- b. Menahan pandangan mata
- c. Menyentuh di tempat yang berkaitan
- d. Menyediakan doktor pakar mengikut jantina

5.7 Menjaga rahsia mayat

Pegawai dan Petugas Perubatan Kerajaan yang terlibat dalam bedah siasat mayat hendaklah menyimpan rahsia mayat, iaitu tidak mengaibkan dan tidak mendedahkan keadaan mayat kepada pihak yang tidak berkenaan.

5.8 Tidak menghina, mencemuh dan memaki mayat

Pegawai dan Petugas Perubatan kerajaan yang terlibat dalam pengendalian mayat tidak boleh menghina, mencemuh atau memaki mayat. Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Dari Ibnu Umar telah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w.: Sebutlah kebaikan orang yang telah mati dan berhentilah dari menyebut keburukan mereka". (Riwayat at-Tirmizi)

5.9 Mengambil langkah-langkah keselamatan

Pegawai dan Petugas perubatan kerajaan yang menjalankan bedah siasat mayat hendaklah mengambil kira langkah-langkah keselamatan terutamanya dalam pengendalian mayat yang berisiko terutamanya bagi kes penyakit berjangkit.

5.10 Menguruskan mayat dan sampel kajian (organ atau tisu) selepas bedah siasat dengan sebaik-baiknya

- i. Anggota mayat yang dibedah hendaklah dijahit semula dengan kemas.
- ii. Semua organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah dikembalikan kepada mayat sebelum mayat disempurna dan dikebumikan.
- iii. Bagi kes yang memerlukan kajian dan penyelidikan ke atas sampel dari mana-mana anggota mayat yang memakan masa lama (disimpan bertahun-tahun dalam makmal) kerana kekurangan pakar, penyakit masih tidak dapat dikenalpasti, kekurangan alat dan sebagainya, maka jenazah hendaklah disempurna dan dikebumikan dahulu. Manakala organ atau tisu yang diambil untuk kajian hendaklah ditanam atau diserahkan kepada waris atau pihak bertanggungjawab.
- iii. Kajian dan siasatan ke atas sampel yang diambil hendaklah dijalankan dengan segera.

5.11 Tidak mengambil tisu atau organ mayat

Pegawai dan Petugas Perubatan Kerajaan tidak dibenarkan mengambil mana-mana tisu atau organ daripadamayat yang dibedah siasat melainkan dengan kebenaran undang-undang. (Akta Tisu Manusia 174 - Akta130).

5.12 Orang yang dibenarkan hadir semasa bedah siasat mayat

Hanya petugas bedah siasat mayat dan pihak berkuasa yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalambilik bedah siasat semasa bedah siasat dijalankan.

6. PERANAN JABATAN / AGENSI

Jabatan / Agensi yang terlibat dalam urusan bedah siasat mayat hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi. Agensi tersebut ialah Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kimia, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Agama. Bagi memastikan

prosedur bedah siasat ini dilaksanakan dengan segera dan menepati kehendak syarak, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i. Pegawai dan Petugas Perubatan Kerajaan yang terlibat dalam urusan bedah siasat mayat hendaklah memberi perhatian kepada peruntukan Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah.
- ii. Pihak Kementerian Kesihatan atau pihak pentadbir hospital mestilah memberi keutamaan dalam urusan bedah siasat mayat supaya urusan pengendalian jenazah tersebut dapat disempurnakan.
- iii. Ketua-ketua Jabatan/Agensi yang terlibat dengan bedah siasat mayat hendaklah mengawasi pelaksanaan garis panduan ini supaya dipatuhi.

7. PENUTUP

Penyediaan garis panduan ini merangkumi semua mayat tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Mematuhi tuntutan syarak terhadap perkara-perkara yang berbangkit dari bedah siasat adalah suatu amanah yang wajib ditunaikan terutama bedah siasat yang melibatkan mayat orang Islam. Aspek pelaksanaan bedah siasat mayat yang lebih dipengaruhi faktor perundangan melebihi aspek klinikal perlu diberi perhatian serius bukan sahaja oleh pengamal perubatan bahkan oleh penggubal polisi. Garis panduan ini memberi makna dan implikasi yang mendalam dan boleh membantu menyelesaikan banyak masalah dalam isu bedah siasat mayat pada masa ini dan akan datang.

